

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MICHAEL
JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang berusia 71 tahun ke atas dengan memberi pecahan mereka yang menerima pencen Kerajaan, mereka yang merupakan isteri atau suami pada penerima pencen, mereka yang menerima pencen PERKESO dan mereka (serta isteri/suami) yang tidak menerima sebarang pencen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pesara dan penerima pencen yang berusia 71 tahun dan ke atas adalah seperti berikut:

JULAT UMUR	PERKHIDMATAN AWAM		VETERAN ATM		JUMLAH
	PESARA	PENERIMA	VETERAN	PENERIMA	
>= 71	103,783	63,055	10,009	9,094	185,941

Berdasarkan rekod PERKESO sehingga tahun 2016, bilangan penerima pencen PERKESO yang berumur 71 tahun dan ke atas adalah seramai 18,508 orang . Daripada jumlah tersebut seramai 925 orang adalah penerima Faedah Hilang Upaya Kekal, 3,364 orang adalah penerima Faedah Orang Tanggungan, 2,789 orang adalah penerima Faedah Pencen Ilat dan bakinya seramai 11,430 orang adalah penerima Faedah Pencen Penakat.

Jumlah penduduk Malaysia yang penerima pencen Kerajaan dan PERKESO adalah 204, 449 orang.

Sekian, terima kasih.